



Pengarah Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Rendah
Seluruh Malaysia

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah
Seluruh Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN BIL 2 TAHUN 2019
PENGENDALIAN LAPORAN MATI MENGEJUT DAN SIASATAN
KEMATIAN OLEH MAHKAMAH SESYEN KORONER**

YAA Ketua Hakim Negara setelah berunding dengan YAA Hakim Besar Malaya dan YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak, dengan ini mengeluarkan arahan bagi pengendalian kes Laporan Mati Mengejut (LMM) dan Siasatan Kematian oleh Mahkamah Sesyen Koroner.

2. Semua kes LMM dan Siasatan Kematian hendaklah dikendalikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang digelar Koroner.
3. Kes LMM dan Siasatan Kematian bukan sahaja terhad kepada kes kematian dalam tahanan polis, kematian dalam penjara, kematian di mana-mana pusat tahanan dan kematian orang tahanan di hospital tetapi juga semua kes kematian yang memerlukan siasatan dibuat di bawah Bab XXXII Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

4. PENGELASAN KOD KES

- 4.1** Kes siasatan kematian yang difailkan hendaklah didaftarkan di Mahkamah Sesyen Koroner di Negeri yang berkenaan mengikut pengelasan kod seperti yang berikut:

| Kod | Butiran |
|------------|--|
| 65 | Kes Laporan Mati Mengejut (LMM) |
| 65A | Kes Siasatan Kematian (Am) |
| 65B | Kes Siasatan Kematian (Kematian Dalam Tahanan) |

- 4.2** Walaupun kes LMM telah didaftarkan di bawah Kod 65, sekiranya Koroner setelah meneliti LMM tersebut mendapati bahawa Siasatan Kematian perlu dijalankan, maka kes itu hendaklah didaftarkan semula di bawah Kod 65A atau Kod 65B.

5. GARIS MASA PENYELESAIAN KES LMM / SIASATAN KEMATIAN

- 5.1** Kes LMM hendaklah diselesaikan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh pendaftaran kes LMM di Mahkamah Sesyen Koroner.
- 5.2** Kes Siasatan Kematian (am) hendaklah diselesaikan dalam tempoh 9 bulan dari tarikh pendaftaran kes Siasatan Kematian di Mahkamah Sesyen Koroner manakala bagi kes Siasatan Kematian (kematian dalam tahanan) hendaklah diselesaikan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pendaftaran kes.

6. GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES SIASATAN KEMATIAN

Garis panduan bagi pengendalian kes siasatan kematian adalah seperti di **Lampiran A** Arahan Amalan ini.

7. PEMERIKSAAN MAYAT

- 7.1 Koroner tidak diwajibkan untuk hadir semasa pemeriksaan mayat melainkan pegawai penyiasat berpendapat kehadiran Koroner adalah perlu.
- 7.2 Sekiranya pegawai penyiasat berpendapat terdapat keperluan untuk kehadiran Koroner, perkara berikut hendaklah dipatuhi:
 - 7.2.1 Koroner hendaklah hadir di tempat mayat berada dan melakukan pemeriksaan dengan segera;
 - 7.2.2 Koroner tidak perlu membuat catatan atau nota semasa pemeriksaan mayat. Catatan boleh dibuat oleh pegawai penyiasat dengan pengesahan bahawa Koroner telah hadir semasa pemeriksaan mayat.
 - 7.2.3 Sekiranya atas sebab yang tidak dapat dielakkan, Koroner tidak dapat melaksanakan tugas seperti di perenggan 7.2.1, Pengarah Negeri boleh mengarahkan Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret di daerah berkenaan atau di daerah yang berhampiran untuk melaksanakan tugas pemeriksaan mayat tersebut.
- 7.3 Sekiranya pegawai penyiasat memutuskan bahawa mayat yang diperiksa perlu dibedah siasat, Koroner tidak perlu hadir semasa bedah siasat (*post mortem*) dijalankan.
- 7.4 Koroner tidak mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan berkenaan keperluan untuk bedah siasat bagi kes mati mengejut, melainkan keadaan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 335 (2) Kanun Tatacara Jenayah.

8. PENGENDALIAN KES DAN FAIL-FAIL LMM / SIASATAN KEMATIAN

- 8.1 Semua kes LMM dan siasatan kematian hendaklah difailkan secara elektronik beserta surat permohonan dan fail LMM yang lengkap. Fail LMM yang tidak lengkap boleh ditolak oleh Mahkamah.
- 8.2 Ketetapan di perenggan 8.1 hanya terpakai bagi lokasi Mahkamah yang mempunyai sistem aplikasi digital secara

elektronik. Bagi lokasi Mahkamah yang masih menggunakan sistem pemfailan manual, proses kerja sedia ada adalah terpakai.

8.3 Fail LMM yang dikemukakan secara manual kepada Mahkamah hendaklah dipulangkan kepada pihak pemohon setelah fail selesai disemak dan *verdict* (keputusan) diberikan.


9. PEMBATALAN ARAHAN AMALAN BIL. 2 TAHUN 2014

Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2014 - Pengendalian Siasatan Kematian (*Death Inquiry*) Selaras Dengan Penubuhan Mahkamah Khas Koroner adalah dibatalkan.

10. TARIKH KUAT KUASA

Arahan ini berkuat kuasa pada 8 Mac 2019.

Sekian, terima kasih.



(YAA TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA RICHARD MALANJUM)

Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Salinan Kepada:

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

Ketua Polis Negara
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 KUALA LUMPUR

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah Dan Sarawak
Kompleks Mahkamah Kuching
Jalan Gersik, Petra Jaya
93050 KUCHING, SARAWAK

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak
Kompleks Mahkamah Kuching
Jalan Gersik, Petra Jaya
93050 KUCHING, SARAWAK

Ketua Pengarah
Kementerian Kesihatan Malaysia
Ibu Pejabat KKM Blok E1, E6, E7 & E10, Parcel,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Pendakwaan
Jabatan Peguam Negara Malaysia
45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

Peguam Besar Negeri Sarawak
Tingkat 15 & 16
Wisma Bapa Malaysia Petra Jaya
93502 Kuching
SARAWAK

Peguam Besar Negeri Sabah
Tingkat 8 & 9
Menara Tun Mustapha
Teluk Likas
Beg Berkunci 2054
88990 KOTA KINABALU
SABAH

Pengarah

Bahagian Dasar dan Perundangan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar

Mahkamah Tinggi
SELURUH MALAYSIA

Pengarah

Bahagian Teknologi Maklumat dan E-Kehakiman
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pustakawan

Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Presiden

Majlis Peguam Malaysia
15, Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR

Pengerusi

Persatuan Undang-Undang Sabah
Suite No. 6-6-11
6th Floor, Menara MAA
No. 6, Lorong Api-Api 1
88000 KOTA KINABALU, SABAH

Pengerusi

Persatuan Peguambela Sarawak
The Bar Room,
Kompleks Mahkamah Kuching
Jalan Gersik, Petra Jaya
93050 KUCHING, SARAWAK

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN MENGENAI SIASATAN KEMATIAN (PERUNTUKAN YANG BERKAITAN DALAM BAHAGIAN VIII BAB XXXII SEKSYEN 328-341 KANUN TATACARA JENAYAH)

1. APA ITU SIASATAN KEMATIAN

- (a) Siasatan Kematian bukanlah seperti suatu perbicaraan;
- (b) Tiada pihak yang mendakwa dan membela;
- (c) Siasatan Kematian adalah suatu siasatan oleh Koroner/Majistret tentang sebab kematian dan Timbalan Pendakwa Raya yang hadir semasa Siasatan Kematian bukan untuk mendakwa seseorang tetapi hanya untuk membantu Mahkamah dengan pemeriksaan saksi bagi maksud memberikan keterangan;
- (d) Peguam bela yang menghadiri suatu Siasatan Kematian bukanlah untuk membela seseorang, tetapi hadir untuk menjaga kepentingan pihak-pihak yang melantik beliau. Walaupun peguam bela tidak diberi hak untuk pemeriksaan saksi semasa Siasatan Kematian, hak ini jarang menjadi suatu isu kerana Mahkamah lazimnya akan memuaskan hati pihak-pihak bagi pemeriksaan saksi apabila permohonan dibuat oleh pihak-pihak;
- (e) Walaupun berhujah tanpa kebenaran di hadapan mahkamah bukanlah perbuatan menghina mahkamah, perbuatan sedemikian adalah suatu perbuatan yang tidak sopan. Ini selari dengan penekanan terhadap etika kesopanan dalam profesion undang-undang;

- (f) Seorang Koroner/Majistret tidak boleh menyatakan apa-apa pendapat mengenai apa-apa perkara sehingga Siasatan Kematian tamat;
- (g) Tiada sabitan atau penghukuman di akhir Siasatan Kematian.

2. PERKARA YANG PERLU DIBERI PENEKANAN SEMASA SIASATAN KEMATIAN

Prosiding dan keterangan dalam suatu Siasatan Kematian hendaklah ditumpukan kepada perkara yang berikut:

- (a) siapa si mati;
- (b) bagaimana, bila dan di mana si mati menemui ajalnya;
- (c) butir-butir yang diperlukan menurut Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] untuk mendaftarkan kematian si mati;
- (d) orang yang melakukan perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang yang menyebabkan kematian, jika terdapat keterangan sedemikian, tanpa membuat apa-apa dapatan mengenai liabiliti jenayah orang itu.

3. BILA SIASATAN KEMATIAN PERLU DIADAKAN

A. Bila Siasatan Kematian Mesti Diadakan

Koroner/Majistret mesti mengadakan suatu Siasatan Kematian jika –

- (a) mana-mana orang mati semasa dalam jagaan polis (seksyen 334 KTJ);

- (b) mana–mana orang mati semasa dalam jagaan, atau dalam hal keadaan yang menimbulkan keraguan mengenai penjagaan si mati; atau
- (c) Pendakwa Raya meminta Koroner/Majistret untuk mengaturkan supaya suatu Siasatan Kematian diadakan mengenai kematian itu (seksyen 339 KTJ yang dibaca bersama seksyen 328 dan 329 KTJ).

B. Bila Siasatan Kematian Boleh Diadakan

Siasatan Kematian boleh diadakan untuk menyiasat suatu laporan kematian jika Koroner/Majistret berpendapat adalah wajar untuk mengadakan Siasatan Kematian (seksyen 334 KTJ) bagi mana-mana kes orang yang mati semasa dalam hospital psikiatri atau penjara.

C. Bila Siasatan Kematian Tidak Perlu Diadakan Atau Tidak Diteruskan [Seksyen 333(3) KTJ]

- (1) Apabila seseorang telah dituduh dengan suatu kesalahan yang berkemungkinan dia adalah orang yang menyebabkan kematian itu.
- (2) Jika Koroner/Majistret telah diberitahu bahawa prosiding jenayah akan dimulakan terhadap mana-mana orang sebelum Siasatan Kematian bermula, Koroner/Majistret tidak boleh memulakan Siasatan Kematian tersebut sehingga tamatnya prosiding jenayah itu, termasuk apa-apa rayuan yang berkaitan dengannya.

D. Kategori Kes Yang Lazimnya Siasatan Kematian Diadakan

- (1) Apa-apa kematian yang menimbulkan ketidakpastian atau keterangan yang bercanggah mengenainya yang mewajarkan penggunaan proses forensik kehakiman.

- (2) Apa-apa kematian yang melalui Siasatan Kematian boleh mendedahkan kecacatan sistemik yang penting atau risiko yang tidak diketahui.
- (3) Apa-apa kematian yang menurut pandangan keluarga atau anggota masyarakat yang berkepentingan bahawa suatu Siasatan Kematian itu berkemungkinan akan membantu mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap pentadbiran keadilan, perkhidmatan kesihatan atau lain-lain agensi awam.
- (4) Apa-apa kematian yang apabila digabungkan bersekali dengan kematian orang lain yang berlaku dalam hal keadaan yang serupa yang boleh menunjukkan bahawa berkemungkinan terdapatnya peningkatan bahaya yang tidak dijangka di lokasi, kawasan, keluarga, industri atau aktiviti tertentu.
- (5) Apa-apa kematian yang berlaku di tempat kerja yang melibatkan proses industri atau aktiviti tertentu.
- (6) Apa-apa bencana yang melibatkan kematian berganda.
- (7) Apa-apa kematian akibat mencederakan diri sendiri yang tidak boleh mengecualikan penglibatan pihak ketiga yang menyebabkan kematian itu.

4. PENGENDALIAN SEBELUM SIASATAN KEMATIAN

A. Melihat Mayat Si Mati

- (1) Apabila Koroner/Majistret diberitahu tentang kematian seseorang semasa dalam jagaan di bawah seksyen 329 atau kematian seseorang semasa dalam jagaan di bawah seksyen 334 KTJ, Koroner/Majistret hendaklah, setakat mana yang bersesuaian:

- Bersama Pegawai Perubatan, melihat dan memeriksa mayat *in situ*, untuk mengambil perhatian tentang apa-apa kecederaan atau tanda pada mayat;
- Mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan penemuan mayat (dalam kes kematian semasa dalam jagaan);

Apa-apa pemerhatian yang dibuat hendaklah dicatat secara bertulis dan catatan tersebut hendaklah menjadi sebahagian daripada nota Koroner/Majistret dalam Siasatan Kematian.

(2) Koroner/Majistret dengan bantuan pihak polis hendaklah —

- memaklumkan dengan segera keluarga/waris kadim/orang yang berkepentingan tentang kematian si mati;
- memaklumkan kepada keluarga/waris kadim/orang berkepentingan tentang apa-apa pemeriksaan post-mortem yang hendak dijalankan dan alasan bagi pemeriksaan post-mortem tersebut;

(3) Koroner/Majistret hendaklah memastikan bahawa mayat si mati diserahkan kepada keluarga/waris kadim untuk dikebumikan dengan seberapa segera dengan syarat siasatan dan/atau post-mortem yang perlu bagi maksud Siasatan Kematian telah dijalankan dengan sewajarnya. Apa-apa alasan kelewatan dalam serahan mayat si mati hendaklah direkodkan dalam nota Koroner/Majistret.

B. *Notis untuk mengadakan Siasatan Kematian*

Koroner/Majistret hendaklah dengan bantuan pihak polis, memaklumkan keluarga/waris kadim berkenaan dengan tarikh, masa dan tempat Siasatan Kematian. Notis ini hendaklah diserahkan tidak kurang dari 2 minggu sebelum tarikh Siasatan Kematian.

5. SIASATAN KEMATIAN

A. Protokol Pemeriksaan Saksi

Koroner/Majistret mempunyai kawalan terhadap prosiding, dan hendaklah memulakan pemeriksaan saksi, dan diikuti oleh pemeriksaan saksi oleh orang lain yang dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam Siasatan Kematian. Koroner/Majistret dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya.

B. Kelayakan Pemeriksaan Saksi

Terdapat hanya 'orang yang berkepentingan' sahaja dalam prosiding Siasatan Kematian. Koroner/Majistret hendaklah menggunakan budi bicaranya untuk menentukan siapa yang layak untuk memeriksa saksi, termasuk yang berikut:

- (a) ibu bapa, anak, pasangan dan mana-mana wakil diri bagi si mati;
- (b) mana-mana orang melakukan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang atau mana-mana ejen atau pekhidmatnya boleh, menurut pendapat Koroner/Majistret, telah menyebabkan, atau menyumbang kepada, kematian si mati;
- (c) seorang pemeriksa yang dilantik oleh, atau seorang wakil diri, pihak berkuasa yang menguat kuasa, atau mana-mana orang yang dilantik oleh Jabatan Kerajaan untuk menghadiri Siasatan Kematian; dan
- (d) mana-mana orang lain, menurut pendapat Koroner/Majistret, adalah orang yang berkepentingan.

C. Penzahiran Dokumen

Koroner/Majistret mempunyai budi bicara berkenaan dengan penzahiran dokumen. Budi bicara ini hendaklah secara amnya dilaksanakan untuk membenarkan penzahiran dokumen.

- D. Kelonggaran pemakaian tatacara dan kaedah keterangan
Tatacara dan kaedah keterangan yang sesuai untuk proses *accusatorial* adalah tidak sesuai bagi proses siasatan.

Koroner/Majistret tidak wajar membenarkan mana-mana cubaan oleh pihak-pihak berkepentingan untuk mempertikaikan kredibiliti saksi, sebagai contoh, melalui prosiding mencabar kebolehpercayaan (*impeachment proceedings*).

- F. Keterangan Yang Menjerat Diri Sendiri (Self Incrimination)
Saksi yang hadir dalam prosiding Siasatan Kematian tidak perlu menjawab apa-apa soalan yang cenderung untuk menjerat diri saksi itu (*self-incriminate*).

Jika seorang saksi telah ditanya dengan soalan sedemikian, Koroner/Majistret hendaklah memaklumkan kepada saksi bahawa dia boleh untuk tidak menjawab soalan itu.

- G. Dapatan Koroner/Majistret
Koroner/Majistret yang mengendalikan Siasatan Kematian hendaklah membuat dapatan mengenai —
- (a) siapa si mati;
 - (b) bagaimana si mati mati;
 - (c) bila si mati mati;
 - (d) di mana si mati mati;
 - (e) sebab kematian si mati; dan
 - (f) mana-mana orang, yang melakukan perbuatan atau melakukan peninggalan yang menyalahi undang-undang yang menyebabkan kematian, tanpa membuat apa-apa dapatan mengenai liabiliti jenayah orang itu.

- H. Keputusan (Verdict) Koroner/Majistret
Keputusan (*verdict*) Siasatan Kematian oleh Koroner/Majistret tidak boleh menentukan persoalan mengenai —

- (a) liabiliti jenayah; atau
 - (b) liabiliti sivil,
- bagi seorang yang dinamakan.

Pada akhir Siasatan Kematian, Koroner/Majistret mesti menyampaikan *verdict* berdasarkan mana-mana satu yang berikut:

- (a) mati yang tidak dapat ditentukan cara kematian (*open verdict*);
- (b) mati akibat kemalangan (*misadventure*);
- (c) mati akibat penyakit (*natural death*);
- (d) mati akibat perbuatan orang lain (*homicide*);
- (e) mati akibat perbuatan diri sendiri (*suicide*).

I. Tempat Siasatan Kematian

Tempat Siasatan Kematian hendaklah terbuka kepada orang awam tetapi Koroner/Majistret boleh, atas alasan tertentu yang suai manfaat, mengecualikan kehadiran orang awam atau mana-mana orang pada mana-mana peringkat siasatan [seksyen 338(2) KTJ].

J. Penyegerakan Prosiding Siasatan Kematian

Atas dasar kepentingan awam, suatu prosiding Siasatan Kematian hendaklah disegerakan dan diberi keutamaan. Prosiding Siasatan Kematian hendaklah dikendalikan secara berterusan sehingga tamat.

6. PASCA PROSIDING SIASATAN KEMATIAN

- A. Koroner/Majistret hendaklah menghantar kepada Pendakwa Raya keseluruhan fail asal yang ditandatangani beserta suatu salinan nota keterangan dan dapatan yang diperakui dengan ditandatangani olehnya sebagai betul/sahih.
- B. Koroner/Majistret, dengan bantuan polis, hendaklah memaklumkan kepada keluarga/waris kadim tentang keputusan (*verdict*) Siasatan Kematian.

- C. Koroner/Majistret boleh memberi salinan keputusan (*verdict*) dan nota prosiding Siasatan Kematian kepada mana-mana orang berkepentingan atas permohonan secara bertulis.

7. PROVISO AM

Apa-apa sebutan kepada perkataan 'Koroner/Majistret' dalam Garis Panduan ini hendaklah juga dibaca sebagai Hakim Mahkamah Sesyen Koroner.